



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 2 SEPTEMBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **empat (4) kes** yang telah pulih COVID-19 pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah sebanyak **9,079** kes (97 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 2 September 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **enam (6) kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **9,360 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 153 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada enam (6) kes baharu yang dilaporkan, empat (4) kes adalah kes import yang telah mendapat **jangkitan di luar negara** yang melibatkan semua **bukan warganegara**. Empat (4) kes import tersebut adalah dari negara:

- Indonesia (3 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur); dan
- Syria (1 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur).

Kedua-dua kes **penularan di dalam negara**, adalah di kalangan **warganegara Malaysia**. Perincian kes-kes tersebut adalah seperti berikut:

- Selangor: satu (1) kes daripada Kluster MV Glen. Kluster ini akan diperincikan di bawah; dan
- Pahang: satu (1) kes saringan di tempat kerja. Beliau tidak bergejala dan telah dimasukkan ke Hospital Tengku Ampuan Afzan.

Sehingga kini, terdapat **empat (4) kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana tiga (3) kes memerlukan bantuan pernafasan.

Adalah dimaklumkan bahawa **tiada** pertambahan kes kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan pada hari ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah kekal sebanyak **128 kes** (1.37 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KLUSTER MV GLEN

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat satu (1) kes baharu dilaporkan dalam kluster ini. Kes baharu ini merupakan isteri kepada kes positif kluster yang telah dilaporkan pada 30 Ogos 2020 (iaitu kes ke-9332). Beliau telah dikenalpasti susulan aktiviti pengesanan kes secara aktif (*Active Case Detection*) dan saringan kontak rapat.

Sehingga 2 September 2020, seramai 58 orang telah disaring. Daripada jumlah ini:

- Tiga (3) kes dikesan positif COVID-19;
- 16 individu negatif; dan
- 39 individu masih menunggu keputusan.

Saringan *sign-on* dan *sign-off* adalah penting kerana ia merupakan salah satu langkah bagi memantau kawalan sempadan negara untuk mengelakkan jangkitan COVID-19 dari luar negara menular masuk ke dalam negara kita.

KKM bersama Jabatan Laut Malaysia telah mengambil pelbagai langkah bagi memantau dan memperketatkan sempadan negara di Perairan Malaysia. Pelbagai Prosedur Operasi Standard (SOP) dan garis panduan telah dibangunkan bagi golongan pelaut yang memasuki Malaysia melalui Pintu Masuk Antarabangsa (PMA). Ini termasuk proses pertukaran anak kapal bermula dari *sign-on* ke kapal sehingga *sign-off* dari kapal dan proses kuarantin wajib di stesen kuarantin yang diwartakan Kerajaan. Proses ini akan terus dipantau dan ditambah baik dari semasa ke semasa bagi memastikan kelancaran pelaksanaannya.

STATUS TERKINI SARINGAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) SECARA PENTADBIRAN DI AMANJAYA, KEDAH

Sehingga 2 September 2020, seramai 12,870 orang telah disaring di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) secara

pentadbiran dari tiga (3) zon yang terbabit iaitu Zon Kenanga, Zon Mawar dan Zon Melur di Amanjaya, Kedah. Daripada jumlah ini:

- Satu (1) kes dikesan positif COVID-19;
- 12,687 individu adalah negatif; dan
- 182 individu masih menunggu keputusan.

Syabas diucapkan kepada penduduk setempat yang memberi kerjasama yang baik kepada pasukan dari pelbagai agensi di lapangan. Namun begitu, dianggarkan seramai 9,490 orang masih belum menjalani saringan. Meskipun jumlah anggaran ini masih dalam semakan, namun pihak KKM tetap mengambil kesempatan ini untuk menyeru dan merayu mereka yang belum menjalani saringan untuk **segera** tampil ke hadapan ke pusat-pusat saringan yang disediakan.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **seimbang** atau bertutur dengan jarak yang **dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (***facemask***) di tempat awam

yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (**Wear**), dan (**Warn**) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:

- Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
- Amalkan etika batuk dan bersin;
- Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
- Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
- Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya.

Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

2 September 2020 @ 5.00 petang.

**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 2 SEPTEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	32
KEDAH	0	218
PULAU PINANG	0	136
PERAK	0	269
SELANGOR	1	2,175
NEGERI SEMBILAN	0	1,034
MELAKA	0	262
JOHOR	0	751
PAHANG	1	371
TERENGGANU	0	114
KELANTAN	0	160
SABAH	0	426
SARAWAK	0	699
W.P. KUALA LUMPUR	4 (4)	2,591
W.P. PUTRAJAYA	0	99
W.P. LABUAN	0	23
JUMLAH KESELURUHAN	6 (4)	9,360

*() adalah merujuk kepada kes-kes import